

C Kenal pasti kata berimbuhan awalan, kata berimbuhan akhiran dan kata berimbuhan apitan.

SP 5.2.1 (i) (ii) (iii)

Haifa telah mengikuti ayahnya memancing udang galah di kolam rekreasi di Tepian Rimba, iaitu di daerah Hulu Langat. Tempatnya bersih dan selesa. Kemudahan yang disediakan ialah tandas, surau dan tempat menunggu bagi sesiapa yang tidak memancing dan hanya menjadi peneman. Bayaran yang dikenakan adalah sebanyak RM20.00 sejam dan minimum dua jam. Manakala, bagi kanak-kanak di bawah 12 tahun RM10.00 sejam.



Pada permulaan, Haifa hanya memerhati gelagat ayahnya memancing. Tetapi, lama-kelamaan timbul keinginan Haifa untuk mencuba. Setiap lima minit Haifa berjaya mendapat seekor udang. Haifa begitu gembira dan bersorak riang. Setelah dua jam berlalu, Haifa dan ayahnya segera pulang ke rumah. Pada hari itu, mereka membawa pulang 28 ekor udang galah. Mereka berdua merancang supaya udang tangkapan itu akan dimasak lemak cili api dicampur dengan belimbing buluh. Nampaknya pasti mereka makan dengan berselera.

Kata Berimbuhan

1 Imbuhan Awalan

2 Imbuhan Akhiran

3 Imbuhan Apitan

(a)

(a)

(a)

(b)

(b)

(b)

(c)

(c)

(d)

(d)

(e)

(e)